



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 17 OKTOBER 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **302 kes** yang telah pulih COVID-19 pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 adalah **12,561 kes** (64 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Pecahan kes yang telah pulih COVID-19 mengikut negeri adalah seperti berikut:

- Sabah (236 kes);
- Selangor (41 kes);
- Perak (16);
- Sarawak (4 kes);
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (3 kes);
- Negeri Sembilan (1 kes); dan
- Pulau Pinang (1 kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 17 Oktober 2020 pukul 12:00 tengah hari, sebanyak **869 kes baharu** telah dilaporkan, di mana kesemuanya adalah kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **19,627**

kes. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 6,886 kes.** Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Jika dilihat pecahan utama jumlah kes hari ini, Negeri Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 451 kes (51.9 peratus). Manakala, negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 20.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Negeri Selangor mencatat 159 kes, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 15 kes dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dua (2) kes. Kesemua negeri-negeri ini adalah dalam Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Secara keseluruhan, sebanyak 224 kes (25.8 peratus) pada hari ini adalah daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai. Kes-kes ini sememangnya terasing di dalam penjara dan tidak menjangkiti masyarakat.

Daripada 869 kes **penularan di dalam negara**, 745 kes adalah warganegara Malaysia dan 124 kes adalah bukan warganegara.

Daripada jumlah keseluruhan kes hari ini, empat (4) kes merupakan pengunjung yang pulang dari Sabah, yang menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September 2020 adalah sebanyak 441 kes.

Perincian kes penularan COVID-19 dalam negara adalah seperti berikut:

- **Sabah: 451 kes**
 - 234 kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - 54 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- Dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Teduh**; dan
- 161 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 189 kes**
 - 186 kes daripada kluster-kluster sedia ada; dan
 - Tiga (3) kes saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

- **Selangor: 159 kes**
 - 89 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 23 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Keladi**;
 - 23 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Lapan (8) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Menara**;
 - Dua (2) kes saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah); dan
 - 14 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 38 kes**
 - 37 daripada Kluster Tembok; dan
 - Satu (1) kes daripada Kluster Bah Lunas.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 15 kes**
 - Tujuh (7) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Empat (4) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Sentral**;
 - Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Menara**; dan
 - Satu (1) kes saringan bergejala.

- **Sarawak: Empat (4) kes** daripada Kluster Bah Arnab.

- **Perak: Empat (4) kes**

- Dua (2) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Menara**; dan
 - Satu (1) kes saringan di Depoh Tahanan Imigresen.
- **Terengganu: Tiga (3) kes** daripada kluster baharu iaitu **Kluster Bah Bemban**.
- **Johor: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada Kluster Buntar; dan
 - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Dua (2) kes**
 - Satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Menara**; dan
 - Satu (1) kes daripada Kluster Buntar.
- **Negeri Sembilan: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.
- **Melaka: Satu (1) kes** daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19.

Sehingga kini, terdapat **91 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **30 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **empat (4) kes kematian** berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **180 kes** (0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

Ringkasan kes-kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

Kes kematian	Kes	Negeri	Jantina	Umur (tahun)	Hospital	Latar Belakang
177	11860	Sabah	Lelaki WN	78	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi dan penyakit buah pinggang kronik
178	14976	Sabah	Lelaki WN	88	Hospital Queen Elizabeth	Penyakit darah tinggi, kencing manis, dislipidemia dan strok
179	16652	Sabah	Perempuan WN	71	Hospital Tawau	-
180	19209	Sabah	Lelaki BWN	53	Hospital Duchess of Kent	-

* WN merujuk kepada warganegara dan BWN bukan warganegara

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

LIMA (5) KLUSTER BAHARU DILAPORKAN HARI INI

KKM ingin memaklumkan bahawa terdapat **lima (5) kluster baharu** telah dikenal pasti pada hari ini iaitu;

1) **KLUSTER TEDUH**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Lahad Datu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-13000) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu yang mempunyai sejarah perjalanan dari daerah yang berisiko tinggi iaitu Semporna pada 6 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Lahad Datu. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 10 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 535 individu telah disaring, di mana:

- 11 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 524 individu masih menunggu keputusan.

2) **KLUSTER MENARA**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Gombak, Petaling, Klang, Sepang dan Hulu Langat di negeri Selangor; daerah Lembah Pantai, Titiwangsa dan Cheras di WP Kuala Lumpur; daerah Larut, Matang dan Selama di negeri Perak serta Wilayah Persekutuan Putrajaya. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-16041) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 9 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, Selangor. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 32 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 180 individu telah disaring, di mana:

- 33 kes dikesan positif COVID-19;
- 33 individu negatif; dan

- 114 individu masih menunggu keputusan.

3) **KLUSTER KELADI**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Klang di negeri Selangor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-17381) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kontak rapat pada 13 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 25 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 107 individu telah disaring, di mana:

- 26 kes dikesan positif COVID-19;
- 74 individu negatif; dan
- Tujuh (7) individu masih menunggu keputusan.

4) **KLUSTER SENTRAL**

Kluster baharu ini dikenal pasti di Kepong, Cheras dan Titiwangsa, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-18676) yang juga merupakan kes kematian ke-176, telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan kematian di sebuah pusat perubatan pada 16 Oktober 2020. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti empat (4) lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 135 individu telah disaring, di mana:

- Lima (5) kes dikesan positif COVID-19;

- 122 individu negatif; dan
- Lapan (8) individu masih menunggu keputusan.

5) **KLUSTER BAH BEMBAN**

Kluster baharu ini melibatkan daerah Dungun di negeri Terengganu dan daerah Kota Kinabalu di negeri Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-12082) telah dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan pulang dari kawasan berisiko tinggi (Sabah) pada 3 Oktober 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Hulu Terengganu, Kuala Berang. Saringan kontak rapat telah mengenal pasti 11 lagi kes positif COVID-19.

Sehingga 17 Oktober 2020, 12 tengah hari, sejumlah 222 individu telah disaring, di mana:

- 12 kes dikesan positif COVID-19; dan
- 210 individu negatif.

KKM MEMPERTINGKATKAN KAPASITI BAGI MEMBENDUNG COVID-19 DI SABAH

KKM sememangnya memandang serius situasi penularan COVID-19 di negeri Sabah dari sejak awal peningkatan bilangan kes COVID-19 di sana. Banyak usaha telah dijalankan seperti meningkatkan kapasiti dan mobilisasi aset serta sumber manusia. Usaha-usaha ini dilakukan bagi memastikan sistem Kesihatan Awam dan Perubatan di negeri Sabah terus mampan dalam membendung situasi penularan COVID-19. Antara usaha yang telah dan sedang dijalankan termasuk:

1. Meningkatkan kapasiti ujian makmal *RT-PCR* dan *RTK Antigen*

- Kapasiti ujian makmal di negeri Sabah telah ditingkatkan dua kali ganda. Pada bulan Julai 2020, kapasiti ujian *RT-PCR* di negeri Sabah adalah sebanyak 1,350 ujian. Kini, ianya telah dipertingkatkan kepada 2,600 ujian *RT-PCR* sehari.
- Penghantaran sampel *RT-PCR* setiap hari dilakukan ke Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dengan menggunakan perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Pos Laju.
- Perkhidmatan penyumberluaran (*outsourcing*) kepada makmal swasta juga telah dilakukan. Misalnya pada 16 Oktober 2020, sebanyak 4,327 ujian telah disumberluarkan kepada makmal swasta agar lebih banyak saringan dapat terus dijalankan di lapangan.
- Penghantaran lebih banyak kit ujian *RTK Antigen* di mana mulai Oktober 2020, sebanyak 100,000 kit ujian *RTK Antigen* dihantar setiap bulan khususnya ke negeri Sabah untuk membantu saringan COVID-19 di lapangan.

2. Meningkatkan kapasiti katil di hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC).

- Kini Sabah mempunyai sembilan (9) Hospital COVID-19 dan 21 PKRC.
- Bagi menampung peningkatan jumlah kes COVID-19 di negeri Sabah, jumlah katil hospital COVID-19 dan PKRC telah ditingkatkan 2.5 kali ganda, iaitu daripada 2,129 katil pada awal bulan September 2020 kepada jumlah terkini iaitu 5,414 katil. Kadar penggunaan katil (BOR) pada ketika ini adalah 35 peratus.
- Penyediaan hospital medan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Tawau yang akan menempatkan 100 katil bagi

kegunaan pesakit bukan COVID-19 agar lebih banyak katil di Hospital Tawau boleh digunakan untuk pesakit COVID-19.

3. Meningkatkan kapasiti katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan alat mesin bantuan pernafasan (*ventilator*)

- Mesin *ventilator* dan katil ICU telah diperolehi bukan sahaja melalui perolehan menggunakan peruntukan khas oleh Kerajaan, malah turut diperolehi melalui sumbangan daripada pelbagai pihak.
- Khususnya untuk Sabah, terdapat sejumlah 180 *ventilator* yang disediakan di mana kadar penggunaan adalah sebanyak 32 peratus (ini termasuk juga penggunaan oleh kes-kes bukan COVID-19).
- Jumlah katil ICU di negeri Sabah kini adalah 122 katil, di mana kadar penggunaan adalah 72 peratus (ini termasuk juga penggunaan oleh kes-kes bukan COVID-19).
- Bagi meningkatkan jumlah katil ICU, KKM telah menyusun atur semula kawasan klinikal (*repurposing of clinical areas*) di beberapa fasiliti kesihatan di mana kawasan dalam hospital digunakan untuk diubah suai bagi tujuan rawatan pesakit kritikal COVID-19 (*modular ward ICU*). Ini membantu meningkatkan jumlah katil ICU yang sedia ada di negeri Sabah.
- Inovasi bagi membolehkan satu mesin *ventilator* digunakan oleh dua pesakit COVID-19 juga telah diperkenalkan. Inovasi ini dipanggil “*ventilator splitter*” iaitu menggunakan teknologi cetakan 3D (*3D printing*) yang mana telah turut dilaksanakan di beberapa buah negara lain.

4. Meningkatkan kapasiti dan mobilisasi tenaga sumber manusia Perubatan dan Kesihatan Awam

- Mobilisasi pasukan bantuan melibatkan 767 orang anggota Perubatan dan Kesihatan Awam KKM dari pelbagai kategori dan skim perkhidmatan yang telah digerakkan ke Tawau, Lahad Datu, Semporna, Sandakan dan Kota Kinabalu secara dalaman negeri di Sabah dan juga dari negeri-negeri lain telah dilaksanakan. Lebih ramai anggota akan dihantar kelak, di mana 99 petugas akan bertolak ke Sabah dalam minggu ini dan minggu hadapan (36 orang petugas Kesihatan Awam dan 63 orang petugas Perubatan).
- KKM akan menjalankan lantikan secara kontrak (*contract of service*) bagi 1,899 petugas kesihatan, tertakluk kepada kelulusan agensi pusat. Ini akan dimobilisasikan bagi kegunaan di negeri-negeri yang memerlukan, khususnya di negeri Sabah.
- KKM juga telah mempergiatkan penglibatan lebih banyak anggota sukarelawan daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan individu dalam menangani krisis ini. Bilangan maklumbalas yang diterima daripada pihak yang berminat adalah amat memberangsangkan. Setakat ini, 4,794 pendaftaran telah diterima dan masih dalam proses saringan. Lebih ramai sukarelawan diseru untuk bersama-sama membantu KKM dalam usahasama ini. Setakat ini, dua (2) NGO telah menghantar 15 anggota mereka ke Sabah.

5. Penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan Perubatan bagi kes-kes bukan COVID-19

- Bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan dan rawatan kepada kes-kes bukan COVID-19 tidak terjejas, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah telah berbincang dan menandatangani beberapa perjanjian dengan hospital swasta.

- Senarai Hospital Swasta yang terlibat dalam *outsourcing* ini adalah:
 - i. Institut Jantung Negara (IJN)
 - ii. Hospital Gleneagles Kota Kinabalu
 - iii. Hospital Gleneagles Pulau Pinang
 - iv. Hospital Pakar KPJ Sabah
 - v. Tawau Specialist Medical Centre
 - vi. Jesselton Medical Centre

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan. Jadikanlah nasihat-nasihat ini satu kebiasaan baharu dalam kehidupan harian:

- **Elakkan 3S / 3C** : iaitu elakkan kawasan yang **sesak (*Crowded place*)**, elakkan kawasan yang **sempit (*Confined space*)** dan elak **sembang** atau bertutur dengan **jarak yang dekat (*Close conversation*)**.
- **Amalkan 3W** : iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (***Wash***), memakai alat pelitup muka (***facemask***) di tempat awam yang telah diwajibkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos 2020 atau jika bersejela (***Wear***), dan (***Warn***) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elakkan bersalaman / bersentuhan termasuk melagakan mana-mana bahagian tubuh badan sebagai menggantikan cara kebiasaan bersalam;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bersejela;

- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Patuhlah kepada S.O.P sebagai normal baharu iaitu:

- **S** : Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O** : Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P** : Penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter diamalkan pada setiap masa.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

17 Oktober 2020 @ 5.30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 17 OKTOBER 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SABAH	451	6,737
SELANGOR	159	3,173
W.P. KUALA LUMPUR	15	2,839
KEDAH	38	1,928
NEGERI SEMBILAN	1	1,097
JOHOR	2	836
SARAWAK	4	763
PULAU PINANG	189	591
PAHANG	0	387
PERAK	4	387
MELAKA	1	282
KELANTAN	0	173
TERENGGANU	3	160
W.P. PUTRAJAYA	2	125
W.P. LABUAN	0	111
PERLIS	0	38
JUMLAH KESELURUHAN	869	19,627

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Status Terkini Kluster Aktif Yang Mencatat Kes Positif Pada Hari Ini(17 Oktober 2020)

	Kluster	Negeri	Daerah	Kes Baharu	Jumlah Kes	Jumlah Yang Disaring	Kes Aktif (Kes ICU)	Jumlah Sembuh	*BWN	Jumlah Kematian
1	Penjara Reman	Pulau Pinang	Timur Laut	160	377	2,914	376 (0)	0	25	1
2	Utama	Selangor, Melaka	Gombak, Hulu Langat, Petaling, Alor Gajah	42	177	583	177 (0)	0	145	0
3	Tembok	Kedah, Perak	Kota Setar, Baling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kubang Pasu, Larut Matang & Selama	38	1,563	6,977	1076 (7)	486	96	1
4	Tujuh Serangkai	Sabah	Tuaran	30	124	2,563	105 (0)	18	5	1

5	Penjara Seberang Perai	Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan	26	54	625	54 (0)	0	5	0
6	Jalan Meru	Selangor, Johor, Kelantan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Pahang	Hulu Langat, Klang, Gombak, Petaling, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Johor Bahru, Kota Bharu, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong, Cheras, Temerloh	11	118	1,005	58 (0)	60	1	0
7	Ramai-Ramai	Sabah	Sandakan	9	165	702	139 (0)	26	16	0
8	Simera	Terengganu, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan,	Besut, Kuantan, Petaling, Klang, Hulu Langat, Gombak, Port Dickson,	8	41	597	40 (0)	1	2	0

		Perak, Johor	Manjung, Hilir Perak, Johor Bahru							
9	Bah Manggis	Sabah, Selangor	Tawau, Kuala Langat	7	36	580	35 (0)	1	1	0
10	Benteng LD	Sabah	Lahad Datu, Tawau, Sandakan, Kinabatangan, Tuaran	6	1,046	16,487	236 (0)	809	408	1
11	Bah Kasturi	Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor	Seremban, Cheras, Titiwangsa, Petaling, Putrajaya, Klang, Kuala Langat, Hulu Langat, Gombak	5	25	601	24 (0)	1	0	0
12	Bah Kenangan	Selangor	Hulu Langat	5	25	42	17 (0)	8	0	0
13	Bah Tropicana	Selangor, WP Kuala	Petaling, Gomba k, Klang, Titiwangsa	4	37	714	31 (0)	6	0	0

		Lumpur & Putrajaya								
14	Highway	Sabah	Kota Belud	4	28	162	28 (0)	0	0	0
15	Bah Arnab	Sarawak	Kuching	4	8	40	8 (0)	0	0	0
16	Sungei Way	Selangor, WP Kuala Lumpur	Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Cheras	3	36	274	33 (0)	3	0	0
17	Buntar	Kedah, Perak, WP Putrajaya, Johor	Kuala Muda, Kerian, Putrajaya, Batu Pahat	2	10	110	10 (0)	0	0	0
18	Laut	Sabah	Kunak	1	118	617	56 (0)	62	114	0
19	Benteng PK	Selangor	Klang, Kuala Langat	1	58	429	45 (0)	13	43	0
20	Kasih	Sabah	Lahad Datu	1	46	1,861	17 (0)	29	3	0
21	Bah Sintok	Kedah, Negeri Sembilan, Selangor	Kubang Pasu, Seremban, Gombak	1	37	491	37 (0)	0	0	0

22	Kasih	Sabah	Lahad Datu	1	46	1,861	17 (0)	29	3	0
23	Bah Sintok	Kedah, Negeri Sembilan, Selangor	Kubang Pasu, Seremban, Gombak	1	37	491	37 (0)	0	0	0
24	Tanamera	Sabah	Tawau	2	31	84	22 (0)	9	5	0
25	Seri Anggerik	Selangor	Hulu Selangor	1	23	89	19 (0)	4	0	0
26	Bina	Sabah	Beaufort, Sipitang	1	23	80	23 (0)	0	8	0
27	Merbok	Selangor	Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor, Petaling	1	10	580	10 (0)	0	0	0
28	Lekir	Perak	Manjung	1	7	174	7 (0)	0	0	0
29	Bah Lunas	Kedah	Kulim	1	5	152	3 (0)	2	0	0

***BWN = Bukan Warganegara**